

23 JAN 2000

Mohd Ali-Hadiah

PELUANG MENANGI HADIAH SAMBIL MELAWAT MELAKA MULAI 19 FEB

MELAKA, 23 Jan (Bernama) -- Para pelancong asing dan tempatan yang datang ke negeri ini mulai 19 Feb depan berpeluang memenangi hadiah istimewa yang disediakan oleh Kerajaan Negeri.

Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata, pelancong luar yang bertuah akan memenangi sebuah kereta Proton manakala pelancong tempatan pula motosikal Modenas Jaguh.

Beliau berkata, setiap pelancong yang datang hanya perlu melawat Muzium Budaya di Bandar Hilir untuk mendapatkan nombor bertuah daripada kaunter di pintu masuk muzium berkenaan.

Menurut beliau, hadiah sumbangan daripada DRB-Hicom itu merupakan antara promosi untuk menarik pelancong datang ke negeri yang terkenal dengan kesan peninggalan sejarah.

"Cabutan nombor bertuah itu akan dibuat pada Disember ini iaitu sempena kempen 'Melawat Melaka Bererti Melawat Malaysia' yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis perjumpaan Aidilfitri anjuran bersama Balai Islam dan Badan Kebajikan Persaudaraan Islam Melaka (Bakpis) di Kompleks Al-Azim di Bukit Palah di sini, hari ini.

Pada majlis itu Mohd Ali yang mewakili Majlis Agama Islam Melaka (Maim) menyampaikan sumbangan kepada Bakpis berjumlah RM10,000 bagi membiayai program dan aktiviti yang akan dijalankan badan berkenaan.

Mohd Ali berkata Kerajaan Negeri telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk membuat cabutan nombor bertuah itu manakala DRB-Hicom pula telah bersetuju menaja hadiah utama kepada pemenang.

Beliau berkata para pelancong juga boleh mendapatkan sijil pengiktirafan melawat Melaka di kaunter yang sama dengan bayaran sebanyak RM1 bagi setiap sijil.

Bagi persiapan pelancaran Festival Pelancongan Melaka yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di KLCC pada 18 Feb ini, Mohd Ali berkata setakat ini semua berjalan lancar dan beliau berpuas hati dengan sambutan daripada para peserta.

"Setakat hari ini, sebanyak 70 peserta telah mendaftar untuk menyertai festival itu melibatkan pihak perhotelan, resort, Institusi Pengajian Tinggi Swasta, pusat-pusat perubatan, taman rekreasi, pusat membeli belah dan agensi Kerajaan Negeri yang terbabit di sektor pelancongan," katanya.

Di samping itu, Mohd Ali juga berkata sepanjang festival selama enam hari itu para pengunjung juga berpeluang untuk memenangi beberapa hadiah yang disediakan melalui cabutan nombor bertuah setiap hari.

"Hadiah akan ditaja oleh peserta-peserta yang mengambil bahagian seperti barangan makanan, penginapan percuma di hotel atau resort ketika melawat Melaka di samping beberapa buah motosikal Modenas Kris," katanya.

Beliau juga berkata beberapa forum, konvensyen di samping persembahan kebudayaan, kesenian dan pameran makanan serta masakan tradisional Melaka akan diadakan sepanjang festival itu.

-- BERNAMA

MYD PR